

AGENDA



FEBRUARI 2017

www.mampan.net

A photograph of a prominent clock tower with a golden dome and a building with red roofs under a clear blue sky. The foreground features a yellow and grey geometric pattern.

Menuju Aspirasi Negeri Rendah Karbon

Jelajah Forum & Ekspo Mampan
Peringkat Negeri Perak
di RTC Gopeng, Perak
18 & 19 Februari 2017

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| Pendahuluan | 3 |
| Pengenalan Jelajah Forum dan Ekspo Mampan (JFE Mampan) | 4 |
| Kata-kata Aluan Y.B. Dato' Dr. Hj. Muhammad Amin | 6 |
| Kata-kata Aluan Pengerusi Sekretariat JFE Mampan | 7 |
| Kata-kata Aluan Pengerusi Persatuan CEKAP | 8 |
| Aturcara Program | 9 |
| Kriteria Produk atau Perkhidmatan yang Dipamerkan di JFE Mampan | 13 |
| Mampan <i>Eco-Ride</i> | 14 |
| Baja Kompos | 14 |
| Penanaman pokok | 15 |
| Acara Pendidikan/Kebudayaan | 16 |
| Pendidikan Q-STEM | 16 |
| Forum 1: Impak Pemanasan Global – Bandar Rendah Karbon Sebagai Solusi | 17 |
| Forum 2: Transformasi Minda Usahawan. Menggariskan Tiga Unsur: Keuntungan, Manusia dan Bumi | 19 |
| <i>Medical Myths</i> – Mitos Kesihatan | 21 |
| <i>Waste to Wealth</i> | 22 |
| Bengkel Keusahawanan – Pengurusan Strategi | 23 |
| Persatuan Ikatan Seniman Perpaduan Nasional (ISPEN) | 24 |
| Teknologi Penyimpanan Tenaga | 25 |
| <i>Eco-Mass</i> | 26 |
| 24 Festival Drums | 28 |
| Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) | 29 |
| Loghat Perak | 30 |

Pendahuluan

Jelajah Forum & Ekspo MAMPAN 2017 (JFE Mampan 2017) mengarah kepada pembangunan mampan atau berkelanjutan (*sustainable development*) selari dengan aspirasi yang terangkum di dalam Model Baru Ekonomi Negara:

3.3. Malaysia should lead the global green revolution

5.1. The New Economic Model – A sustainable, inclusive, high income economy

JFE Mampan 2017 memulakan suku tahun pertama bertandang ke negeri Perak Darul Ridzuan, negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia (selepas Pahang).

Sebuah negeri yang penuh dengan peluang, permai dan indah. Bersempadan dengan beberapa buah negeri yang lain, Negeri Perak menawarkan pelbagai keistimewaan sama ada dari segi ekonomi, pelancongan, infrastruktur dan sebagainya.

Berkeluasan 21,000 km persegi, ia merupakan salah satu daripada negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia).

Unsur-unsur ‘mampan’ yang diterapkan dalam segala aspek pembangunan di Perak bakal memperkuuh negeri Perak dalam mengharungi cabaran masa depan. Hal ini diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri Perak yang memberi sokongan padu terhadap penganjuran JFE Mampan Perak 2017.

Berbagai aktiviti direncanakan untuk JFE Mampan Perak 2017 dan Agenda MAMPAN ini bertujuan memberikan previu dan maklumat tambahan berkaitan aktiviti-aktiviti tersebut.

Semoga Negeri Perak terus dilimpahi rahmat Tuhan dan menjadi model “Green Society – Green Economy – Sustainable Future”.

Bersama Membangun Masa Depan Yang MAMPAN

Pengenalan Jelajah Forum dan Ekspo Mampan (JFE Mampan)

Forum dan Ekspo Mampan mengenangkan pelbagai aktiviti, forum, ekspo, kayuhan basikal, bengkel keusahawanan, bengkel pertanian dan kesenian yang membawa aspirasi pembangunan mampan (*sustainable development*).

Forum dan Ekspo Mampan telah melalui beberapa siri yang telah bermula sejak 2014 di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang.

Siri **Jelajah Forum dan Ekspo Mampan (JFE Mampan)** dimulakan pada tahun 2016, tidak lain adalah untuk menyebarkan informasi dan memupuk kesedaran tentang Mampan kepada masyarakat seluruh negara. Diharap usaha ini dapat memberi impak kepada masyarakat agar dapat bersama-sama bersepakat untuk membangun negara.

NILAI-NILAI TERAS JFE MAMPAN

Menyemai Sikap Cinta Negara

- Menggalakkan generasi kini kenali negara tercinta dengan mewujudkan usaha-usaha membangun.

Perpaduan

- Memupuk semangat kebersamaan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

Peningkatan Jati Diri

- Penerapan jati diri yang mantap di dalam setiap peribadi masyarakat. Jati diri juga dapat diertikan sebagai tujuan hidup yang sesungguhnya yang harus dicapai semua manusia.

Keusahawanan Masyarakat

- Melahirkan usahawan yang berjaya dan tidak alpa dengan norma nilai-nilai murni yang menjadi teras kepada masyarakat kita.

Keprihatinan terhadap Pemeliharaan Alam Sekitar

- Mendidik masyarakat yang sentiasa peka dengan perubahan alam serta merasakan kehadiran alam perlu untuk kita terus hidup dengan sejahtera.

Memertabatkan Seni Kebudayaan Tempatan

- Menyanjung tinggi nilai seni budaya tempatan yang kini semakin dipinggirkan oleh kerana kehadiran arus permodenan.

Meningkatkan Potensi Pelancongan Daerah

- Mempelbagaikan sumber pendapatan masyarakat tempatan dengan menerokai industri pelancongan berasaskan keunikan daerah tertentu.

PESERTA SASARAN

Seluruh warganegara, merangkumi –

- Agensi Kerajaan
- Badan kepimpinan masyarakat
- Anggota koperasi
- Usahawan dan badan-badan perniagaan
- Badan-badan pertubuhan mewakili masyarakat pengguna
- Pelajar sekolah rendah, menengah dan penuntut pengajian tinggi
- Badan-badan belia

Kata-kata Aluan Y.B. Dato' Dr. Hj. Muhammad Amin



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam 1 Malaysia, Salam Perak Amanjaya.

Jelajah Forum & Ekspo Mampan dijayakan sebagai wadah untuk jalinan usahasama berbagai komponen negara merangkumi badan-badan kerajaan dan masyarakat umum demi menjayakan pembangunan mampan sesuai dengan aspirasi negara dan aspirasi Negeri Perak yang tercinta ini.

Di dalam Model Baru Ekonomi Negara dan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, pembangunan mampan menjadi teras kepada agenda pembangunan Negara dan kerajaan negeri Perak telah merangka berbagai inisiatif untuk menjayakannya.

Mampan tidak hanya berkisar tentang 'Go Green' dengan penekanan kepada usaha-usaha dan teknologi yang mesra alam dan memelihara kesediaan sumber asli untuk generasi mendatang, tetapi ia merangkumi pelbagai aspek lain demi kesinambungan hidup manusia seperti perpaduan, kekuatan jati diri, kemahiran, keadilan sosial, keamanan dan kemakmuran.

Isu mampan adalah isu dunia dan tidak boleh dipandang ringan. Kita harus peka dan proaktif terhadap pelbagai bentuk ancaman kepada negara dari pelbagai perspektif – sekuriti makanan, kewangan, ancaman iklim, masalah air, peningkatan kos hidup dan sebagainya.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meletakkan Agenda Pembangunan Mampan 2030 dengan menyenaraikan sebanyak tujuh-belas (17) Sasaran Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDGs*) dan Rancangan Malaysia Kesebelas yang membawa aspirasi Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat meletakkan Malaysia di atas landasan yang baik untuk merealisasikan agenda pembangunan global tersebut.

Kerajaan Negeri Perak sentiasa menyokong apa juga usaha daripada badan-badan bukan kerajaan yang mahu berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam memperkuuh daya tahan atau 'resilience' negara.

Semoga Jelajah Forum & Ekspo Mampan Peringkat Negeri Perak 2017 berjalan dengan penuh jayanya dan memberi impak yang berterusan kepada seluruh masyarakat.

Y.B. Dato' Dr. Hj. Muhammad Amin Bin Zakaria
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar
dan Teknologi Hijau, Negeri Perak
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Kata-kata Aluan Pengerusi Sekretariat JFE Mampan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji untuk Allah S.W.T. yang dengan limpah rahmat-Nya kita dapat terus menganjurkan Jelajah Forum & Ekspo Mampan (JFE Mampan), kali ini di Negeri Perak Darul Ridzuan. bertemakan ‘Menuju Aspirasi Negeri Rendah Karbon’.

Sebagai sebuah badan masyarakat yang ingin turut serta dalam agenda pembangunan Negara pihak Sekretariat amat menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak, khususnya Y.B. Dato' Dr. Hj. Muhammad Amin Bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak yang memberi sokongan penuh terhadap penganjuran JFE Mampan kali ini.

Isu mampan adalah isu seluruh anggota masyarakat dan ia hanya dapat ditangani secara efektif dan efisien melalui usaha bersama dan terpadu oleh semua komponen masyarakat merangkumi badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, institusi pendidikan, badan-badan perniagaan dan sebagainya.

JFE Mampan dirangka agar ia bersifat inklusif melibatkan semua peringkat masyarakat, mencetus perlaksanaan program yang berterusan dan memberi impak dalam pemerkasaan sumber daya dan peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Forum dan ekspo yang dianjurkan menjadi medan untuk memperkenalkan dan mencetus berbagai idea baru dan inovasi sesuai dengan aspirasi pembangunan mampan manakala program-program lain seperti kayuhan ‘Eco-Ride’, penanaman pokok, berbagai bengkel keusahawanan dan pertanian serta persembahan kebudayaan dan kesenian membawa nilai-nilai teras kenegaraan seperti jati diri, perpaduan dan cinta negara.

Kami aturkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada berbagai pihak yang turut serta dalam menjayakan JFE Mampan kali ini dan mendoakan semoga ia dapat berjalan dengan jayanya dan diberkati Allah S.W.T.

Ahmad Ruzian Maphilindo Bin Mohd Isa
Pengerusi, Sekretariat Jelajah Forum & Ekspo Mampan

الْحَمْدُ لِلَّهِ بِخَيْرٍ

18 & 19 Februari 2017, Perak

Kata-kata Aluan Pengerusi Persatuan CEKAP

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
السَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ



Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Saya dengan penuh kesyukuran dapat bersama-sama menganjurkan Jelajah Forum dan Ekspos Mampan (JFE Mampan) Peringkat Negeri perak 2017. Semoga dengan adanya JFE Mampan ini, masyarakat dapat menilai kesungguhan dan kegigihan warga kerja CEKAP dalam usaha membangunkan komuniti masyarakat terutama rakyat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tema ‘Menuju Aspirasi Negeri Rendah Karbon’ telah dipilih sebagai panduan bagi permulaan perjalanan JFE Mampan tahun 2017. Saya pasti pihak kerajaan negeri Perak sentiasa merancang dan melancarkan pelbagai usaha ke arah pembangunan komuniti masyarakat negeri Perak supaya seiring dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan matlamat pembangunan (SDGs). Justeru itu, saya berharap usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan saya mendoakan semoga kerjasama ini akan mencapai visi dan matlamat yang ditetapkan serta terus mencipta kegemilangan demi pembangunan mampan negeri Perak.

CEKAP sebagai persatuan yang ingin turut serta dalam agenda pembangunan Negeri Perak merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jawatan kuasa yang terlibat secara langsung mahu pun tidak dalam menjayakan JFE Mampan Peringkat Negeri perak 2017 dan semua warga negeri Perak yang menyokong penuh untuk menjayakan JFE Mampan ini.

Harapan kami Persatuan Cakna Ekonomi Anak Perak dengan adanya program sebegini dan kesinambungannya, maka dapatlah kami sentiasa seiring bersama-sama masyarakat, organisasi dan kerajaan membangun bangsa dan negara.

Sekian.

ROSSAINI BIN AHMAD NOOR RAZALAN
Pengerusi
Persatuan Cakna Ekonomi Anak Perak (CEKAP)

Aturcara Program

SABTU, 18 FEBRUARI 2017

KESIHATAN | PROGRAM HIJAU | BENGKEL PERTANIAN – LAPANGAN

| | |
|---------------------------|--|
| 7.00 pagi – 11.00 pagi | : MAMPAN Eco-Ride – Pendaftaran – Ucapan VIP – Taklimat Trafik – Perlepasan Kayuhan |
| 9.00 pagi – 10.30 pagi | : Program Hijau – Penanaman Pokok “Mampangkan Kehijauan Bumi RTC” |
| 9.30 pagi – 10.30 pagi | : Bengkel Pertanian – Membuat Baja Kompos oleh SWCorp – Teori dewan – Praktikal |
| 10.30 pagi – 2.00 petang | : Ekspo Pameran dan Jualan |
| 3.00 petang – 4.00 petang | : <i>Waste to Wealth</i> oleh Green Purchasing Network Malaysia (GPNM) pentas <i>Medical Myths</i> – Mitos Kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Bilik 2.2 RTC |
| 4.00 petang – 4.30 petang | : Lawatan Booth Pameran dan Jualan |

KEBUDAYAAN/PENDIDIKAN – PENTAS RTC GOPENG

| | |
|----------------------------|--|
| 9.00 pagi – 10.30 pagi | : <i>Choral Speaking</i> (Sekolah Rendah) |
| 10.30 pagi – 2.00 petang | : Bengkel Robotik Solar (Sekolah Rendah) oleh UPSI |
| 2.00 petang – 4.00 petang | : Lawatan Booth Pameran dan Jualan |
| 4.00 petang – 4.30 petang | : Program Pendidikan Q-STEM |
| 4.30 petang – 5.00 petang | : Persembahan Kebudayaan |
| 5.00 petang – 8.30 petang | : Lawatan Booth Pameran dan Jualan |
| 8.30 petang – 8.40 petang | : Aktiviti Bebas/Rehat |
| 9.10 petang – 11.00 petang | : Ucapan Alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato' Nolee Ashilin Binti Mohammed Radzi , Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak – Perasmian – Penyampaian Cenderamata : Persembahan Kebudayaan dan Kesenian – Jabatan Kebudayaan Negeri Perak – ISPEN |

EKSPO MAMPAN – RUANG PAMERAN

10.00 pagi – 5.00 petang

- : Booth Pameran (Agensi Oblik Jabatan, IPT, Badan-badan Kerajaan)
 - Anugerah Inovasi
 - Pembentangan Perniagaan (*Business Pitching*)
 - Pemadanan Perniagaan
 - Booth Jualan

FORUM MAMPAN – DEWAN BANQUET/RTC

8.00 pagi : Pendaftaran & Rangkaian

8.30 pagi : Cabutan Bertuah 1

8.45 pagi : Pembentangan Produk 1 (*Product Pitching*)

9.00 pagi : **Forum 1** “Impak Pemanasan Global – Bandar Rendah Karbon Sebagai Solusi”

Moderator: En Mohd Hafiz Bin Awang Hashim, Presiden ACT

Panel 1: Dr Ng Choon Aun, Timbalan Dekan, Falkulti Kejuruteraan & Teknologi Hijau, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

Panel 2: Puan Rohani Binti Md Hashim, Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak

Panel 3: Encik Dasuki Loo Abdullah, Ketua Seksyen, Jabatan Alam Sekitar (JAS)

10.30 pagi : Lawatan Booth Pameran dan Jualan

11.00 pagi : Majlis Perasmian **dewan MYDIN**

2.00 petang : Cabutan Bertuah 2

2.15 petang : Pembentangan Produk 2 (*Product Pitching*)

2.30 petang : **Forum 2** “Transformasi Minda Usahawan Menggariskan Tiga Unsur: Keuntungan, Manusia dan Bumi”

Moderator: En Amirudin Bin Rasedin, Setiausaha Eksekutif, Yayasan Al-Tarbiyah Malaysia

Panel 1: Puan Hajah Fatimah Binti Ahmad, Pengarah Negeri, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Panel 2: Prof Dr Richard Eng, Ipoh City Watch (ICW)

Panel 3: Puan Mastura Binti Abdul Aziz, Pengurus dan Pengusaha Rock Melon

4.00 petang : Maklumbalas Koleksi (*Feedback Collection*)

4.15 petang : Penghargaan & Cabutan Bertuah 3

4.30 petang : Lawatan Booth Pameran dan Jualan

MAJLIS PERASMIAN – DEWAN MYDIN

- 11.00 pagi : Ketibaan Tetamu dan Dif-dif Jemputan
11.30 pagi : Persembahan Montaj
11.35 pagi : Ucapan Pembukaan oleh
Yang Berusaha En Rossaini Bin Ahmad Noor Razalan,
Pengarah Program JFE Mampan Peringkat Negeri Perak 2017
11.50 pagi : Ucapan Alu-aluan oleh
Yang Berusaha En Ahmad Ruzizan Maphilindo Bin Mohd Isa, Pengerusi
Sekreteriat JFE Mampan
12.05 petang : Ucapan Khas Perasmian oleh
Yang Berhormat Dato' Dr Haji Muhammad Amin Bin Zakaria,
Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak
12.20 petang : Persembahan *Choral Speakin & Action Song g*
12.30 petang : Gimik Pelancaran JFE Mampan 2017 Peringkat Negeri Perak
12.45 petang : Penyampaian Cenderamata
1.00 petang : Lawatan VIP ke Booth Pameran dan Jualan
1.30 petang : Makan Tengah Hari

BENGKEL KEUSAHAWANAN – BILIK SEMINAR 2.2 RTC

- 2.00 petang : Bengkel Keusahawanan – Pengurusan Strategi oleh MAUS Academy
4.00 petang : Lawatan Booth Pameran dan Jualan

AHAD, 19 FEBRUARI 2017

EKSPO MAMPAN – RUANG PAMERAN

- 8.00 pagi – 4.00 petang : Booth Pameran – (Agensi Oblik Jabatan, IPT, Badan-badan Kerajaan)
– Anugerah Inovasi
– Pembentangan Perniagaan (*Business Pitching*)
– Pemadaman Perniagaan
– Booth Jualan
– Inovasi Agensi

KESIHATAN | PROGRAM HIJAU | BENGKEL PERTANIAN – LAPANGAN

- 7.00 pagi – 12.00 tengahari : ‘Eco-Mass’
– Senamrobik/Takraw Mukim/Permainan Tradisional
- 9.00 pagi – 10.00 pagi : Teknologi Penyimpanan Tenaga – *Low Carbon Effort* **pentas**
– Penggunaan dan Penyelenggaraan Teknologi Tenaga boleh Diperbaharui Satu Usaha Nyata Merendahkan Karbon
- 9.00 pagi – 10.30 pagi : *Litter Picking* (SWCorp) **pentas**
- 10.30 pagi – 12.00 tengahari : Lawatan *Booth* Pameran & Jualan

KEBUDAYAAN/SUKARELAWAN – PENTAS/LAPANGAN

- 10.00 pagi – 12.00 tengahari : Permainan Tradisional **lapangan**
- 10.00 pagi – 12.00 tengahari : Perkongsian dari Badan Sukarelawan
- 12.00 tengahari – 2.00 petang: Lawatan *Booth* Pameran dan Jualan
- 2.00 petang – 2.30 petang : Persembahan Tradisional Agensi – 24 Gendang & Wushu
- 2.30 petang – 4.00 petang : Lawatan *Booth* Pameran dan Jualan

MAJLIS PENUTUP – PENTAS RTC GOPENG

- 2.00 petang : Ketibaan Dif-dif Jemputan
- 2.30 petang : Penyata JFE Mampan Negeri Perak 2017 oleh
Yang Berusaha En Ramli Bin Harun,
Pengarah Program JFE Mampan Nasional
- : Sekalung Penghargaan oleh
Yang Berusaha En Ahmad Ruzizan Maphilindo Bin Mohd Isa, Pengurus Sekreteriat JFE Mampan
- : Ucapan Khas dan Penutupan Program oleh
Yang Berhormat Dato' Hajah Rusnah Binti Kassim,
Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak
- : Penyampaian Cenderamata
- 3.30 petang : Sesi Fotografi & Sidang Media
- 4.00 petang : Ekspo Pameran dan Jualan
- : Bersurai

Kriteria Produk atau Perkhidmatan yang Dipamerkan di JFE Mampan

PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DIPAMERKAN DI EKSPO MAMPAN PERLU MEMENUHI SEKURANG-KURANGNYA SALAH SATU DARIPADA KRITERIA BERIKUT:

- Mudah digunakan semula (sama ada keseluruhan atau terpisah)
- Dibuat menggunakan sumber-sumber semulajadi dan/atau boleh diperbaharui
- Mengandungi kandungan kitar semula (pasca-pengguna dan/atau pasca-industri)
- Dengan mudah dikitar semula
- *Biodegradable*
- Tidak mengandungi bahan-bahan yang sangat toksik, dan pengeluaran mereka tidak menyebabkan pengeluaran bi-produk yang sangat toksik
- Tidak mengandungi klorofluorokarbon, klorofluorokarbon hidro atau bahan-bahan lain yang mengancam ozon
- Menggalakkan kualiti udara yang baik
- Penggunaan tenaga yang rendah/efisyen
- Tahan lama dengan keperluan penyelenggaraan yang rendah
- Rendah “tenaga sampingan” (tenaga yang diperlukan untuk menghasilkan/mengangkat)
- Menggalakkan cara yang lebih baik dalam penggunaan sumber asli – melakukan ‘more for less’
- Meningkatkan kualiti hidup masyarakat
- Melibatkan pemerkasaan masyarakat (pendidikan, latihan dan pembangunan)
- Penglibatan masyarakat terpinggir

Selain di atas, produk yang ditawarkan hendaklah mematuhi piawaian atau peraturan yang berkaitan daripada pihak berkuasa yang berkenaan (seperti HACCP, GMP, SIRIM, Halal dan lain-lain)

MAMPAN Eco-Ride

MAMPAN Eco-Ride adalah program berbasikal yang dianjurkan oleh JFE Mampan 2017 peringkat Negeri Perak.

MAMPAN “**Eco-Ride**” berlangsung dari pukul **7-11 pagi** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **lapangan RTC Gopeng**

Aktiviti berbasikal bukan sahaja satu bentuk senaman dan rekreasi tetapi juga sebagai satu bentuk pengangkutan di bandar. Ianya murah, mudah, boleh dipercayai dan bentuk pengangkutan yang sesuai serta tidak memerlukan cukai jalan, insurans dan bil minyak serta murah untuk diselenggara. Ianya dapat menjimatkan tenaga dan ruang, serta melindungi seseorang daripada kesan penggunaan automobil yang merosakkan kesihatan.


Dengan berbasikal juga akan meningkatkan kesihatan kerana berbasikal secara tetap menjadikan kita kurang menghidap penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi dan penyakit lain. (*Sumber: British Heart Foundation*)



Baja Kompos

Teori berkenaan pembuatan “**Baja Kompos**” akan diadakan dalam **dewan** manakala praktikalnya di **lapangan** dari pukul **9.30-10.30 pagi** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017

PROSES PENGOMPOSAN AEROB



Penanaman Pokok

Reboisasi adalah penanaman kembali hutan yang telah gundul atau tandus, tindakan **reboisasi** ini untuk menanami hutan yang gundul akibat di tebang atau akibat bencana alam. Tujuan dari **reboisasi** ini ialah untuk meningkatkan kualiti hidup manusia melalui peningkatan sumber daya alam. Dengan kembalinya fungsi hutan maka dapat menghindarkan persekitaran hidup dari pencemaran udara, kembalinya ekosistem dan dengan penanaman semula hutan dapat menangani pemanasan global (*global warming*).

“Penanaman Pokok” akan diadakan dari puluk **9.00-10.30 pagi** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **lapangan RTC**

Manfaat tumbuhan hijau sebagai ...

- a) paru-paru dunia (dalam proses pernafasan manusia dan haiwan)
- b) penstabil keberadaan tumbuhan hijau di lingkungan
- c) menciptakan suasana yang segar, nyaman dan sejuk
- d) merupakan ekosistem dalam keseimbangan alam
- e) tempat berlindung bagi keadaan alam yang kurang baik seperti angin kencang, terik matahari, hujan, debu dan pencemaran
- f) sumber estetika atau keindahan
- g) salah satu faktor penjaga kesehatan



Antara langkah dalam mewujudkan upaya **reboisasi** meliputi penentuan lokasi sasaran penanaman semula hutan, penyiapan organisasi pelaksana, penyusunan tata masa aktiviti dan pembahagian kerja, membersihkan kawasan penanaman semula hutan dari konflik agar penanaman dapat berjalan lancar melalui sosialisasi rancangan penanaman, menyiapkan bahan dan alat pengukuran (GPS/alat ukur theodolit, kompas, altimeter dan lain-lain)

Acara Pendidikan/ Kebudayaan

BENGKEL ROBOTIK SOLAR

Bengkel Robotik Solar anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memberi peluang kepada pengunjung membuka minda untuk menceburi profesi di luar bidang pendidikan.



CHORAL SPEAKING

Bagi peringkat sekolah rendah akan diadakan Pertandingan "Choral Speaking". Kita dapat melihat mampan coral speaking persembahan penuh bertenaga dari anak-anak muda ini.



Pendidikan Q-STEM



PROGRAM: Jelajah Forum dan Ekspo MAMPAH (JFEM)

TARIKH: 18 Feb 2017 (Sabtu)

MASA: 2.00pm - 3.30pm

TEMPAT: RTC, Gopeng, Perak

JELAJAH FORUM & EKSPON MAMPAH



KOJAMIN



RTC

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Pendidikan
Q-STEM dari puluk
2.00-4.00 pm pada
18 Februari di JFE
Mampan Perak
2017 bertempat
di bilik seminar

Forum 1: Impak Pemanasan Global – Bandar Rendah Karbon Sebagai Solusi

AHLI PANEL

• Dr Ng Choon Aun

Timbalan Dekan, Falkulti Kejuruteraan & Teknologi Hijau, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

• Puan Rohani Binti Md Hashim

Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak

• Encik Dasuki Loo Abdullah

Ketua Seksyen, Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Forum 1 “**Impak Pemanasan Global – Bandar Rendah Karbon Sebagai Solusi**” akan diadakan pukul **9.00 pagi** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **Dewan Banquet RTC Gopeng**

Forum bakal membincangkan dan memperolehi informasi tentang hal-hal yang berikut:

- Apakah yang dimaksudkan dengan “Bandar Bebas Karbon”?
- Bagaimana pentingnya pendidikan tanpa karbon di negara ini dalam situasi dunia masakini?
- Seluas mana bandar bebas karbon dapat diaplikasikan dalam kehidupan?
- Bagaimanakah perumahan Kaedah Zero Karbon dapat dilaksanakan?
- Bagaimana masyarakat khususnya golongan muda dapat meneroka dan menjadi pencipta dalam “Zero Carbon”?

APAKAH ITU BANDAR RENDAH KARBON?

Menurut **Green Tech Malaysia**, Bandar Rendah Karbon boleh juga ditakrifkan sebagai sebuah bandar raya yang terdiri daripada masyarakat yang menggunakan teknologi hijau/lestari, amalan hijau dan mengeluarkan karbon atau GHG yang agak rendah berbanding dengan amalan hari ini untuk mengelakkan kesan buruk ke atas perubahan iklim.

Tahukah anda, pada 8 September 2011, **Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)** telahpun melancarkan **Low Carbon Cities Framework (LCCF)** yang boleh digunakan sebagai sistem penilaian penarafan kawasan perbandaran mampan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu LCCF juga boleh digunakan sebagai satu rangka kerja dalam perancangan pembangunan mampan di kawasan perbandaran semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Perlaksanaan ke Arah Bandar Rendah Karbon


4 Elemen untuk mengurangkan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) di kawasan bandar menurut KeTTHA adalah Persekutaran Bandar (*Urban Environmental*), Pengangkutan Bandar (*Urban Transportation*), Infrastruktur Bandar (*Urban Infrastructure*) dan Bangunan (*Building*).

Bandaraya yang akan dijadikan prototaip untuk Zero-Carbon Cities

Masdar City, United Arab Emirates – menggunakan tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan tenaga angin.

Dongtan, China – menggunakan tenaga boleh diperbaharui untuk kendaraan

Mengapa perlu laksanakannya sekarang?



Bagaimana anda boleh bersama-sama membantu ke arah kesejahteraan alam?

Sesuai dengan prinsip MAMPAN itu sendiri, Green Society, Green Economy, Sustainable Future, kita boleh berkongsi memberi kesedaran dan menggalakkan masyarakat betapa pentingnya menjaga alam sekitar selain memperkayakan idea-idea perlaksanaan dan merangsang inovasi masyarakat, kerana dari sini akan wujudnya pelbagai idea-idea keusahawanan mampan serta peluang pekerjaan kepada yang lain. Sekecil-kecil tindakan bermula dari diri sendiri.

(Selanjutnya di <http://nukilan.mampan.net/2016/11/13>)

Forum 2: Transformasi Minda Usahawan. Menggariskan Tiga Unsur: Keuntungan, Manusia dan Bumi

AHLI PANEL

- **Puan Hajah Fatimah Binti Ahmad**
Pengarah Negeri, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- **Prof Dr Richard Eng**
Ipoh City Watch (ICW)
- **Puan Mastura Binti Abdul Aziz**
Pengurus dan Pengusaha Rock Melon

Forum 2 “Transformasi Minda Usahawan. Menggariskan Tiga Unsur: Keuntungan, Manusia dan Bumi” akan diadakan pukul **2.30 petang** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **Dewan Banquet RTC Gopeng**

Forum bakal membincangkan dan memperolehi informasi tentang hal-hal yang berikut:

- Apakah maksud Kelestarian Alam Sekitar?
- Kelestarian Alam Sekitar harus bermula di mana?
- Bagaimanakah Kelestarian Alam Sekitar dapat menjadi budaya masyarakat?
- Peranan institusi pendidikan dalam melestarikan alam sekitar?

‘TRIPLE BOTTOM LINE’

Nov 17th 2009 / Online extra

IT CONSISTS OF THREE PS: PROFIT, PEOPLE AND PLANET

The phrase “the triple bottom line” was first coined in 1994 by John Elkington, the founder of a British consultancy called Sustainability. His argument was that companies should be preparing three different (and quite separate) bottom lines. One is the traditional measure of corporate profit—the “bottom line” of the profit and loss account. The second is the bottom line of a company’s “people account”—a measure in some shape or form of how socially responsible an organisation has been throughout its operations. The third is the bottom line of the company’s “planet” account—a measure of how environmentally responsible it has been. The triple bottom line (TBL) thus consists of three Ps: profit, people and planet. It aims to measure the financial, social and environmental performance of the corporation over a period of time. Only a company that produces a TBL is taking account of the full cost involved in doing business.

In some senses the TBL is a particular manifestation of the balanced scorecard. Behind it lies the same fundamental principle: what you measure is what you get, because what you measure is what you are likely to pay attention to. Only when companies measure their social and environmental impact will we have socially and environmentally responsible organisations.

The idea enjoyed some success in the turn-of-the-century zeitgeist of corporate social responsibility, climate change and fair trade. After more than a decade in which cost-cutting had been the number-one business priority, the hidden social and environmental costs of transferring production and services to low-cost countries such as China, India and Brazil became increasingly apparent to western consumers. These included such things as the indiscriminate logging of the Amazon basin, the excessive use of hydrocarbons and the exploitation of cheap labour.

Growing awareness of corporate malpractice in these areas forced several companies, including Nike and Tesco, to re-examine their sourcing policies and to keep a closer eye on the ethical standards of their suppliers in places as far apart as Mexico and Bangladesh, where labour markets are unregulated and manufacturers are able to ride roughshod over social and environmental standards. It also encouraged the growth of the Fairtrade movement, which adds its brand to products that have been produced and traded in an environmentally and socially "fair" way (of course, that concept is open to interpretation). From small beginnings, the movement has picked up steam in the past five years. Nevertheless, the Fairtrade movement is still only small, focused essentially on coffee, tea, bananas and cotton, and accounting for less than 0.2% of all UK grocery sales in 2006.

One problem with the triple bottom line is that the three separate accounts cannot easily be added up. It is difficult to measure the planet and people accounts in the same terms as profits—that is, in terms of cash. The full cost of an oil-tanker spillage, for example, is probably immeasurable in monetary terms, as is the cost of displacing whole communities to clear forests, or the cost of depriving children of their freedom to learn in order to make them work at a young age.

(Sumber: Internet)

Medical Myths – Mitos Kesihatan

SHAH ALAM – Komuniti doktor perubatan di laman Facebook dikenali sebagai “**Medical Mythbusters Malaysia**” (**M3**) bersedia berkongsi ilmu dengan pihak media berkaitan isu kesihatan termasuk vaksinasi.

Menerusi satu kenyataan, Dr Mohd Syamirulah Rahim mewakili **M3** berkata, selari dengan objektif dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia, pihaknya bersedia memberi khidmat nasihat atau kerjasama yang diperlukan.

“Kami di *Medical Mythbusters* Malaysia terdiri pakar dan pegawai bidang kesihatan sedia dihubungi bagi khidmat nasihat atau kerjasama mana-mana pihak terutama media massa berkaitan isu kesihatan termasuk vaksinasi,” katanya.

Menurutnya, para doktor seluruh Malaysia sedang bertungkus-lumus memberikan maklumat benar dengan sumber rujukan berkaliber sekali gus memperbaiki persepsi masyarakat terhadap vaksinasi demi kemaslahatan ummah.

“Umum sudah maklum negara kita berhadapan masalah kemunculan kembali jangkitan dan wabak penyakit cegahan vaksin contohnya difteria, pertussis (batuk kokol) dan measles yang dahulunya sukar didengari,” katanya.

M3 platform di Facebook, bertujuan menangkis dan menjawab pelbagai fitnah dan mitos dilemparkan terhadap bidang perubatan khas di Malaysia. **M3** juga menawarkan alternatif kepada orang awam mendapatkan maklumat tepat.

“**Medical Myths**” akan diadakan dari pukul 3-4 petang pada 18 Februari di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di bilik 2.2 RTC Gopeng

Waste to Wealth

“Waste to Wealth”
akan diadakan dari
pukul **3-4 petang**
pada pada
18 Februari di JFE
Mampan Perak
2017 bertempat
di **pentas RTC**
Gopeng

Green Purchasing Network Malaysia is an NGO (Non-Government Organisation) which promotes green purchasing to encourage buyers, suppliers and manufacturers to adopt sustainable consumption and production methodologies.

Green Purchasing Network Malaysia is founded in 12th September 2003, is part of a global network that promotes green values. GPNM's vision is to benefit people, businesses, organizations and government agencies by sharing its' vast knowledge of green purchasing and eco-friendly practices.

Share your environmentally-friendly products with the rest of the world with GPNM's Green Technology & Eco Products Portal & Directory



Find buying leads.

Sell your products.

Green Purchasing Network Malaysia is an NGO (Non-Government Organization) which promotes green purchasing to encourage buyers, suppliers and manufacturers to adopt sustainable consumption and production methodologies.

Bengkel Keusahawanan – Pengurusan Strategi

MAUS
ACADEMY



Diagnostics

Learn how your business is performing compared to 'the norm'!

This series of powerful diagnostics will accurately pinpoint exactly what needs attention in your business. Whether it be in your systems, people or financials, these diagnostics are sure to locate your business weaknesses and shortfalls.

It is quick and easy to complete each diagnostic – submit your answers online in the form of a questionnaire, and you will be provided with a free detailed report from a YBS mentor soon after. From here, simply apply any new action plans and goals into the [MAUS Hub](#), and GET IT DONE!

Some of the diagnostics that you will have access to are:

Financial Health Check:

This will give you an indication of the financial health of your business.

Potential Buyer Attractiveness:

This will review your business and give you a score out of 100 on how attractive you are to a potential purchaser.

System Analysis:

This will review the systems in your business and suggest changes



SCORE
Your Business

"Bengkel Keusahawanan"
akan diadakan dari pukul **2-4 petang pada 18 Februari**
di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **pentas RTC Gopeng**



MAM MAUS ACADEMY MALAYSIA
ENTREPRENEUR MASTER CLASS 2016
BUSINESS STRATEGIES TACTICS & TRICKS

10th SEPTEMBER 2016 9.00 AM - 6.00 PM
MAM, PKNS Bizpoint, Jln Plumbers P7/P, Shah Alam

Do You Want To Build
PROFITABLE
HEALTHY
THRIVING
BUSINESS
A High Performance Company?

REGISTER NOW!

Fee:
RM 550 / person
Early Birds RM500
(3 person and above)
(Hurry! 12 seats only)
Class will be conducted in dual language.

To Register :
Please Whatsapp
<NAME><EMAIL> to 013-332 2919
before 30th August 2016

KEN BENEFITS

- LEARN how to apply the business strategies in your company
- CHALLENGE the conventional boundaries of competition
- RESTRUCTURE existing industries or create new one
- EXPLAIN difference between performing and learning company and show how to leverage each to innovate
- BREAK the low cost/differentiation paradigm
- MOVE from strategy formulation to execution

Assoc. Prof. Dr. Fakhru Anwar Zainol
SMEs Business Advisor

Assoc. Prof. Dr. Zulhamri Abdullah
SMEs Business Advisor

Mr. Mohd Haitham Hussin
Principal Consultant

Organised by : **MAM** | **MAUS** ACADEMY MALAYSIA

18 & 19 Februari 2017, Perak

23

Persatuan Ikatan Seniman Perpaduan Nasional (ISPEN)



ISPEN akan mengadakan persembahan di Malam Kebudayaan dari pukul **9.00 malam** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **pentas RTC**

Persatuan Ikatan Seniman Perpaduan Nasional (ISPEN) merupakan sebuah persatuan yang ingin memartabatkan seni dan budaya Melayu dengan nilai-nilai perpaduan nasional.

ISPEN sering tidak ketinggalan dalam menyertai JFE Mampan khususnya dalam membina jaringan dengan Jabatan kesenian dan Kebudayaan Negeri dan berbagai badan-badan kesenian dan kebudayaan setempat dalam menjayakan persembahan kesenian dan kebudayaan.

Untuk JFE Mampan Perak 2017, ISPEN bakal membuat persembahan pada “Malam Kebudayaan”. Nantikan persembahan mereka bersama artis jemputan Musly Ramly.



Teknologi Penyimpanan Tenaga



“Teknologi Penyimpanan Tenaga” akan diadakan dari pukul **9-10 pagi** pada **19 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **Pentas RTC Gopeng**

Antara tahun 1990 dan 2010, bilangan penggunaan bekalan tenaga elektrik telah meningkat sebanyak 1.7 bilion dan permintaan penduduk global terus meningkat untuk tenaga murah. Ekonomi dunia bergantung kepada bahan api fosil dan peningkatan pelepasan gas rumah hijau dapat mewujudkan perubahan drastik kepada sistem iklim kita dan memberi kesan kepada setiap benua.

Usaha-usaha untuk menggalakkan tenaga bersih telah menyebabkan lebih daripada 20 peratus daripada tenaga global yang dihasilkan oleh sumber yang boleh diperbaharui pada tahun 2011. Tetapi masih terdapat 1 daripada 5 orang tidak mempunyai akses kepada bekalan elektrik dan atas permintaan yang terus meningkat perlu ada peningkatan besar dalam pengeluaran tenaga boleh diperbaharui di seluruh dunia.

Memastikan akses universal kepada bekalan elektrik yang mampu dimiliki pada tahun 2030, bermakna melabur dalam sumber-sumber tenaga bersih seperti solar, angin dan haba. Menerima pakai piawaian kos efektif untuk pelbagai teknologi juga boleh mengurangkan penggunaan elektrik global oleh bangunan-bangunan dan industri sebanyak 14 peratus. Ini bermakna mengelakkan lebih kurang 1,300 loji kuasa pertengahan saiz. Memperluaskan infrastruktur dan teknologi menaik taraf untuk menyediakan tenaga bersih dalam semua negara-negara membangun adalah matlamat penting yang kedua-duanya boleh menggalakkan pertumbuhan dan membantu alam sekitar.

Eco-Mass

Senamrobik merupakan senaman dengan pergerakan yang santai. Ianya satu bentuk aktiviti yang menjadi pilihan ramai dan berkeupayaan meningkatkan daya tahan dan kecerdasan kardiorespiratori (sistem yang berkait dengan aktiviti jantung dan paru-paru) seseorang. Senamrobik tidak memerlukan banyak tenaga dan boleh dilakukan oleh semua peringkat umur. Mengandungi tiga komponen utama iaitu:

- pemanasan badan;
- pergerakan senaman; dan
- menyegarkan badan.

MAMPAN “**Senamrobik**” akan diadakan pada hari **Ahad 19 Februari** dalam slot **‘Eco-Mass’** dari pukul **7-10 pagi** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **lapangan RTC**



“Takraw Mukim” akan diadakan dari pukul **7 pagi** hingga **12 tengahari** pada **19 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **lapangan RTC**

Takraw Mukim merupakan sejenis permainan sepak takraw antara dua pasukan atau regu yang dianggotai oleh tiga orang pemain bagi setiap regu. Mempunyai jaring yang memisahkan di antara kedua-dua regu dan dimainkan di gelanggang yang berukuran sama seperti gelanggang badminton.



JELAJAH FORUM & EKSCO MAMPAN

'MENUJU ASPIRASI NEGERI RENDAH KARBON'

TARIKH: 18 & 19 FEB 2017

LOKASI: RTC, GOPENG



18 & 19 Februari 2017, Perak

27

24 Festival Drums

UTAR akan mengadakan persembahan tradisional **“24 Festival Drums”** pada pukul **10.45 pagi** pada **18 Februari** di JFE Mampan Perak 2017 bertempat di **pentas RTC Gopeng**

Universiti Tunku Abdul Rahman Wushu Club’s 24 Festive Drums was formed in May 2010. The students were inspired to form a 24 Festive Drums Team after a performance during the Homecoming Celebration event. The Homecoming Celebration was performed jointly by one of the members of UTAR Wushu Club with three students of Pei Yuan High School.

In February 2011, they successfully purchased 12 new drums through the assistance of the University. After that, our 24 Festive Drums team grew and developed as we had more members and were able to have more performances. Due to increase of members, in year 2013, our club purchased another 12 drums for practicing and performing purposes.

Universiti Tunku Abdul Rahman 24 Festive Drums Team had developed from a small group to more than a 100 members now.

The **24 Festive Drums** originated from an idea to celebrate 24 agricultural seasons.

| Seasons in Spring | Seasons in Summer | Seasons in Autumn | Seasons in Winter |
|--------------------------|----------------------|----------------------|-------------------|
| First of spring | First of summer | First of autumn | First of winter |
| Rain water | Grains begin to ripe | Still warm in autumn | Minor snow |
| Awakening | Grains are ripe | Winter dew | Heavy snow |
| Spring equinox | Summer solstice | Autumn equinox | Winter solstice |
| Clear water | Minor heat | Cold dew | Minor freeze |
| Rains suitable for grain | Great heat | Frosting | Great freeze |



Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

“Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) antara universiti bereputasi tinggi di Malaysia yang pesat membangun sejak penubuhannya pada tahun 2002. Dengan pengambilan pertama yang seramai 411 orang pelajar sahaja, bilangan penuntut UTAR kini telah mencapai lebih daripada 26,000 orang di Kampus Kampar, Perak dan di Kampus Sungai Long, Selangor. Setakat ini UTAR mempunyai seramai 48,000 orang alumni.

UTAR kini menawarkan lebih daripada 110 program pengajian yang merangkumi program pengajian Asasi, Sarjana Muda, Sarjana dan Falsafah Kedoktoran dalam bidang Perakaunan, Perniagaan dan Ekonomi, Sains Aktuari, Matematik dan Proses Pengurusan, Sains Pertanian dan Makanan, Sastera, Sains Sosial dan Pendidikan, Industri Kreatif dan Reka Bentuk, Kejuruteraan dan Alam Bina, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sains Hayat dan Sains Fizikal, dan Perubatan dan Sains Kesihatan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang rasmi UTAR di www.utar.edu.my atau hubungi talian UTAR di 05-468 8888 (Kampus Kampar), 03-9086 0288 (Kampus Sungai Long)”



Loghat Perak

aco – acar
ajo – ajar
ako – akar
amra – kedondong
aso – asar
ate – habis tu (penyedap cakap)
ayo – air
bako – bakar
bebano – sungguh/sangat

Budak ne jahat bebano

beda'ah – tipu/menipu
bedek (membedek) – belek (membelek)
begholoh – tidur
belontok – macam ikan haruan berbintik cokelat
beluko – belukar
bengkin – garang
berghanso – mintak diri/nak balik
berkela – bergaduk
beronggok – berkumpul
beso – besar
bibio – bibir
bio – biar
biolle – biar-lah
bisin – bising
biut – degil
bolein – telanjang bulat
bonyeh – berlendir/berlendior

buah kanto – buah enau
bujuk – ikan haruan
cabuk – berkudis buruk

cabuk le kaki kamu

cacin – cacing
cebok – alat mencedok air
cekelat – gula gula
chego – chegar (batu bulat lonjong didalam sungai)
cicio – cicir
cucor – jirus
cucor bawang – cekodok tepung campur bawang
cucor pisang – cekodok pisang
dachin – daching
enda – panggilan ibu
geduak – kerdas
getik – benci
ghumah – rumah
gulin – guling
hambo tebo – bersepah/berselerak
hanyio – hanyir
jamban – nama bagi pelantar atau rakit tempat mandi di sungai perak biasanya dibuat dari batang balak
jenuh – lama sangat
jikio – zikir

kambin – kambing
kamu – awak
kapio – kafir
kayo – pergi buang air
kayo beso – berak
kayo kecik – kencing
kayu rol – kayu pembaris
kebaroh – hala kesungai
kedarat – hala menjauhi sungai
ke-gho-bo (kerobo) – kerbau
kela – gaduh
kelio – kehilir
kémé – saya
keghoje – kerja
kikio – kikir
kodak/kekodak – lebihan/serbuk kueh (*umpama orang bertanya banyak ke lagi kueh raya) jawabnya...*

tinggei kekodak tong aje

koi – kueh
kome – engkau orang (boleh juga pada sorang atau berdua)
kopek – tetek
kucin – kuching
kulu – kehulu
kume – kami
kutei – dah lama
kutey – cubit halus



lecah – lumpur
lembin – lembing
lendio – lendir
libang libu – perasaan resah gelisah
limbah – air kotor/Lumpur
meghenin – berkilaat
mehholoh – kuat tidor
melantak – kuat makan
membangao bau – busuk baunya
memburu – menbughu
mengkema – engkau orang (ramai)
merambu – joli sana sini
mikey – awak
nganto – menghantar (kuhih)
ngekek – ketawa terbahak-bahak
ngelat – menipu
ngetit – ngokak/gigit ketip
ngonyam – merenyam (berkaitan lelaki/ perempuan)
nohen – buat dek jer...
nyendin – tumpang sekaki
nyor – kelapa
orang – oghang
pah/opah – neneh
paka/pakei – pakai/guna
pashio – pasir
pegho – sampan
pejoh – hal keadaan tidur yg terlalu lena sampai tak sedar
perok – jakun (tak pernah tengok benda)
petia – perhati

piat – pulas
aku piat telinga tu karang
pikio – fikir
pior – tulin asli
puih opes = pejabat pos (*post office*)
pusin – pusing
puto – putar (ungkapan orang marah)
ghesah – resah
ghibu – ribu
ghosak – rosak
sambo – sambar
samo – warna merah jambu
selimbo – selimbar
seluo – seluar
semut gatey – semut api
seniat – pukul (dengan lidi umpamanya)
seperoh – alas/lapik meja
sidang – berhenti (pada hujan)
tak sio – tak mahu
tako – takar
tebin – tepi sungai
teghoyak – menangis
telio – teringin
teman – saya
tepek – lempeng
tiko – tikar
tak sior – risau sebab ragu-ragu
toben – tua bangka
tok – datuk
tok enda – panggilan nenek
tumpo – mati (bahasa kasar)
ulo – ular

yangat – kopi atau teh panas
yob/yeop – bagi memanggil lelaki yang kita tak tau namanya
yong – bagi memanggil perempuan yang kita tak tau nama nya

Bahasa English di perakkan

belen – baki
bob – buku
bot – bot
merket – pasar

Berkaitan wang/duit

seduit – 1 sen
5 duit – 5 sen
sekupang – 10 sen
15 duit – 15 sen
2 kupang – 20 sen
dua kupang 5 duit – 25 sen (dan seterusnya...)
sembilan kupang – 90 sen
sembilan kupang lima
duit – 95 sen
seringgit – seringgit
seringgit suku – RM1.25
tengah dua ringgit – RM1.50





JELAJAH FORUM & EKspo MAMPAN

18 & 19 FEBRUARI 2017
RTC Gopeng, Perak

ANJURAN



PERTUBUHAN MASYARAKAT
INTEGRITI MALAYSIA (PMIM)

CEKAP
Cakna Ekonomi Anak Perak

SOKONGAN



DENGAN KERJASAMA



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



KOPERASI JAMINAN NASIONAL
INTEGRITI SELANGOR BERHAD



ASSOCIATED
CYCLOSPORIT TREKKERS



PERSATUAN IKTIAN SESIMAN
PERPADUAN NASIONAL

BERSAMA MEMBANGUN MASA DEPAN YANG MAMPAH